



**PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING**

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 March 2016

Tindakan Dr. M tidak hormati mandat rakyat

SHAH ALAM 5 Mac - Badan Perhubungan UMNO Selangor menyifatkan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad bersekongkol dengan pembangkang bagi memaksa Datuk Seri Najib Tun Razak meletakkan jawatan Perdana Menteri sebagai tidak menghormati mandat yang telah diberikan rakyat kepada Barisan Nasional (BN) untuk mentadbir negara.

Pengerusinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, sebagai bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir sepa-

tunya maklum keperluan untuk mempertahankan Perlembagaan serta amalan demokrasi terutama dalam menukar kepemimpinan negara, bukannya menerusi demonstrasi jalanan atau memorandum.

"Justeru, kita kesal terhadap tindakan Dr. Mahathir yang jelas memperlihatkan kehendak nafsu politik beliau melebihi apa yang pernah beliau perkatakan tentang DAP dan PKR sebelum ini.

"Tahniah kepada Dr. Mahathir

UM- 6/3/2016
kerana telah berjaya memperdayakan barisan pembangkang untuk bersama beliau dan mengiktirafnya sebagai pemimpin mereka.

"Oleh itu, Dr. Mahathir perlu bersedia untuk dipergunakan kembali oleh pembangkang untuk melengkapkan perjuangan mereka membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada penjara yang kita sedia maklum masalahnya berpunca ketika pentadbiran beliau," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.